

D362

U B063 DEB
MAHATHIR - TEKNOLOGI RRR

KUALA LUMPUR , 14 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYARANKAN KEPADA PAKAR-PAKAR TEMPATAN MENGAMALKAN CARA +REVERSE ENGINEERING+, IAITU MENIRU BARANG BUATAN ORANG LAIN, SEBAGAI SATU PROSES MEHUDAHKAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI.

KATANYA, INSTITUSI-INSTITUSI PENYELIDIKAN HENDAKLAH MEMPUNYAI BAHAGIAN-BAHAGIAN YANG KHUSUS MEMBUAT +REVERSE ENGINEERING + INI BAGI SEGALA BARANGAN YANG MUNGKIN DIKELUARKAN OLEH MALAYSIA.

+KITA TIDAK HARUS MALU DENGAN PENDEKATAN INI KERANA INILAH CARA YANG DIGUNAKAN OLEH BANYAK NEGARA YANG TELAH BERJAYA SEKARANG+, KATANYA SEMASA MERASMIKAN MINGGU SAINS DAN TEKNOLOGI KEBANGSAAN DI SINI.

BELIAU BERKATA JIKA PAKAR-PAKAR TEMPATAN SUDAH MENGETAHUI CARA BARANG-BARANG TERTENTU DIBUAT, MALAYSIA MUNGKIN DAPAT MENGELUARKANNYA DALAM BENTUK BARU DENGAN MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA KOS TENAGA KERJA YANG RENDAH DI NEGARA INI.

+PADA MULANYA KITA MUNGKIN GAGAL, TETAPI JIKA KITA BERTEKUN INSYA-ALLAH KITA AKAN MEMPEROLEHI HASIL, DARIPADA PROSES REVERSE ENGINEERING INI+, KATANYA. -- LAGI.

1849MST 14 08 89

D363

U 8064 DEB
MAHATHIR - TEKNOLOGI 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT BOLEH MENANAM KEYAKINAN UNTUK MEUJUDKAN SUASANA BARU DALAM PERKEMBANGAN PERINDUSTRIAN KERANA BERDASARKAN PELBAGAI BIDANG YANG TELAH DICEBURI, KELOK PEMBELAJARAN MENINGKAT DENGAN CEPAT.

KATANYA, MEKANISME BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM-PROGRAM SAINS DAN TEKNOLOGI MESTILAH BERSIFAT PRO-AKTIF DENGAN MEMERHATIKAN PERKEMBANGAN EKONOMI DUNIA SECARA KESELURUHANNYA.

OLEH ITU AHLI-AHLI SAINS DAN TEKNOLOGI TIDAK HANYA PERLU MENUMPUKAN AKTIVITI MEREKA DALAM BIDANG BARANG-BARANG TRADISIONAL TETAPI HARUSLAH JUGA MEMAJUKAN BARANG-BARANG BARU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATKAN SEBAGAI TIDAK BERASAS ANGGAPAN KEBANYAKAN RAKYAT KONONNYA NEGARA TERLALU KETINGGALAN DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (P&P) UNTUK Mencari sendiri cara penggunaan SAINS DAN TEKNOLOGI YANG BELUM PERNAH DITEROKAI DAN DICIPTA OLEH MERAKA YANG LEBIH MAJU.

+SEBENARNYA MEREKA YANG HARI INI BEGITU KE HADAPAN JUGA KOLOT DAHULU TETAPI KERANA USAHA PIP YANG DLLAKUKAN TAHUN DEMI TAHUN, AKHIRNYA MEREKA MENCAPAI KEJAYAAN+, TEGAS BELIAU. -- LAGI.

1851MST 14 08 89

0365

U B065 D E B
MAHATHIR - TEKNOLOGI 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN KEPADA TAHAP SUMBANGAN INDUSTRI NEGARA YANG DIMILIKI OLEH RAKYAT TEMPATAN YANG MASIH TERLALU KECIL.

+DI SAAT KITA MENYAMBUT BAIK SUMBANGAN SEKTOR PERINDUSTRIAN KEPADA EKONOMI NEGARA YANG BERASASKAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI, KITA PERLU MEMAHAMI BAHAWA TEKNOLOGI SEBENARNYA MASIH BELUM BERADA DI TANGAN KITA+ KATANYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN TELAH BERUSAHA MENSYARATKAN KEPADA PARA PELABUR ASING SUPAYA MEMINDAHKAN TEKNOLOGI KEPADA TENAGA KERJA DAN PENGURUSAN TEMPATAN TETAPI USAHA ITU TIDAK AKAN BERJAYA SEANDAINYA MASYARAKAT TEMPATAN TIDAK BERSEEDIA DAN TIDAK MEMAHAMI ASAS-ASAS SAINS DAN TEKNOLOGI YANG DIPERLUKAN UNTUK MENJAYAKAN PEMINDAHAN ITU.

SEHUBUNGAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGGARISKAN TIGA FAKTOR YANG DIANGGAP PENTING UNTUK MEMASTIKAN KEJAYAAN NEGARA. DALAM MEMAJUKAN SAINS DAN TEKNOLOGI IAITU:

+ KESEDIAAN DARI SEGI SIKAP DAN PENGETAHUAN AHLI-AHLI SAINS DAN TEKNOLOGI UNTUK MEMBERIKAN SUMBANGAN TERUTAMA DALAM AKTIVITI P&P=

+ KESEDIAAN KERAJAAN MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR, DASAR D A N PROGRAM BAGI MENDUKUNG CITA-CITA BERKENAAN= DAN

+ KESEDIAAN GOLONGAN USAHAWAN UNTUK MEMPERALATKAN HASIL KAJIAN SAINS DAN TEKNOLOGI BAGI MENEROKAI BIDANG PERUSAHAAN BARU SERTA BERSEEDIA MENGAMBIL RISIKO. -- LAGI.

1856MST 14 08 89

D376

U 8074 DEB
MAHATHIR - TEKNOLOGI 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA KETLGA-TIGA FAKTOR ITU PERLU
DISELARASKAN SUPAYA IA MENJADI SATU TENAGA YANG BOLEH MEMAJUKAN
NEGARA.

KATANYA, ATAS ALASAN ITU JUGA KERAJAAN TELAH MEMINTA SYARIKAT
SWASTA JURUT MELIBATKAN DIRI DALAM AKTIVITI P&P DI BIDANG SAINS DAN
TEKNOLOGI DENGAN MENGHARAPKAN SEKURANG-KURANGNYA 25 PERATUS DARIPADA
PROGRAM P&P NEGARA PADA MASA DEPAN DIUSAHA DAN DIBIYAI OLEH MEREKA.

SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA BOLEH MELAKSANAKAN KERJA ITU BERSAMA
DENGAN INSTITUSI PENYELIDIKAN KERAJAAN DAN KAMPUS ATAU MELALUI
KONTRAK PENYELIDIKAN ANTARA MEREKA DENGAN PARA PENYELIDIK DARIPADA
INSTITUSI BERKENAAN, KATA BELIAU.

DALAM HAL INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP PARA PENYELIDIK
DI BIDANG INI MENGHALAKAN SELURUH BENTUK PENYELIDIKAN UNTUK
KEPERLUAN INDUSTRI DAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN.

+TIADA GUNANYA KITA MEMBELANJAKAN JUTAAN RINGGIT DALAM KERJA
PENYELIDIKAN SEANDAINYA HASIL YANG DIPEROLEHI TIDAK DAPAT DIGUNAKAN
OLEH RAKYAT DAN NEG'ARA+. -- LAGI.

1919MST 14 08 89

D377

U 8076 DEB
MAHATHIR - TEKNOLOGI 5 KUALA LUMPUR

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA KEMUDIANNYA, PERDANA MENTERI
BERKATA TIDAK TIMBUL SOAL MELANGGAR HAK CIPTA SEKIRANYA NEGARA
MENGAMALKAN CARA MENIRU BARANG BUATAN ORANG LAIN UNTUK MEMUDAHKAN
PROSES PEMINDAHAN TEKNOLOGI.

KATANYA, SOAL MENIRU BARANG-BARANG YANG BIASA BERADA DI PASARAN
MERUPAKAN AMALAN YANG TURUT DILAKUKAN OLEH ORANG LAIN.

APA YANG PENTING PAKAR TEMPATAN BERUSAHA MEREKA BENTUK
BARANG-BARANG YANG SERUPA DENGAN MENGGUNAKAN INPUT TEMPATAN DAN
MENJADIKAN BARANG ITU BERBEZA DARI SEGI IDENTITI, KATA BELIAU.

MENGULAS MENGENAI BARANG-BARANG YANG DIPAMERKAN SEMPENA MINGGU
SAINS DAN TEKNOLOGI ITU, BELIAU MEMUJI USAHA SESETENGAH SAINTIS YANG
MENCIPTA BEBERAPA BARANG BARU YANG MEMPUNYAI POTENSI DI PASARAN.

KATANYA, TERPULANGLAH KEPADA PARA USAHAWAN UNTUK MENGAMBIL
PELUANG INI MEMASARKAN CIPTAAN ITU DI PASARAN DALAM DAN LUAR NEGARA.
-- BERNAMA.

1920MST 14 08 89

- 4 -